



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI TIADA KES POSITIF COVID-19 DIREKODKAN

#### 1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini **TIADA** kes positif COVID-19 dilaporkan. Jumlah kes positif COVID-19 di Sarawak kekal seramai 544 kes.

Manakala seramai **16 kes** baru telah sembuh dan discaj dari hospital. Kesemua kes tersebut, adalah dari Hospital Umum Sarawak. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj ialah seramai 455 kes atau 83.64%.

Seramai **8 PUI** baru dilaporkan dan seramai **18 kes** masih menunggu keputusan makmal.

**Hari ini Daerah Lundu telah bertukar status kepada Hijau setelah tiada kes dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.** Jumlah daerah berstatus Kuning setakat hari ini sebanyak empat (4) buah dan daerah berstatus Hijau ialah sebanyak 36 buah.

Kes Terdahulu	<b>544</b>	Kes sedang dirawat di hospital	<b>71</b>	<b>13.05%</b>
Kes Baharu	<b>0</b>	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>1</b>	<b>0.18%</b>
Jumlah Individu Disampel	<b>36,188</b>	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
Kes Positif Keseluruhan	<b>544</b>	Jumlah kes kematian	<b>17</b>	<b>3.13%</b>
IR per 100,000 penduduk	<b>17.63</b>	Kes telah sembah dan discaj	<b>455</b>	<b>83.64%</b>
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	<b>22</b>	<b>5,779</b>	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	<b>8</b>
Menunggu keputusan	<b>8</b>	<b>18</b>		

## 2. LAPORAN PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPB (12 MEI – 09 JUN 2020)

Pada hari ini sebanyak **6,051** jumlah permohonan pergerakan antara Daerah yang telah diterima di 28 buah Ibu Pejabat Daerah PDRM seluruh Sarawak menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,623 permohonan**. Daripada jumlah kumulatif tersebut, sebanyak **45,819** telah diluluskan dan **3,804** ditolak.

Pasukan pemantau pada hari ini telah memantau sebanyak **2,057 lokasi** iaitu Pasaraya (331), Restoran (382), Kilang (39), Bank (190), Pejabat Kerajaan (89), Penjaja (19), Pasar Tani / Awam (208), Tempat Ibadah (83), Tempat Riadah (50), Tapak Pembinaan (19) dan Lain-lain (647).

Sehingga hari ini sebanyak **29,924** pemberitahuan sektor ekonomi yang telah dibuka diterima. Daripada jumlah tersebut, **21,824** adalah melalui atas talian dan **8,100** melalui email.

Pihak ATM telah menjumpai 5 bungkusan berisi ketulan mampat yang dipercayai dadah jenis syabu seberat 5kg di laluan haram berdekatan dengan Inland Port Tebedu iaitu jarak sejauh 200 meter dari sempadan Malaysia / Indonesia. Kesemua bungkusan tersebut yang bernilai RM 422,730 telah dibawa ke Balai Polis untuk tindakan selanjutnya. 2 PATI dari Indonesia juga telah dihalau balik.

### **3. LAPORAN PELAJAR BALIK DARI SEMENANJUNG, SABAH DAN LABUAN**

Sehingga hari ini kita telah menyelaras kepulangan pelajar yang balik dari Semenanjung, Sabah dan Labuan seramai **8,448 pelajar**.

### **4. LAPORAN PENGURUSAN PUSAT KUARANTIN**

Bagi laporan Pusat Kuarantin, terdapat **61 Pusat Kuarantin** telah dibuka. Jumlah keseluruhan yang berada di pusat kuarantin adalah **3,837**.

### **5. LAPORAN JAWATANKUASA PASUKAN BERTINDAK (PENGAWALAN DAN PENCEGAHAN)**

Semalam kita telah menerima laporan daripada Jawatankuasa Bertindak Pengawalan dan Pencegahan yang diketuai oleh YBhg Prof. Datu Dr. Andrew Kiyu dari Fakulti Perubatan UNIMAS dan juga mantan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

Di dalam laporan tersebut, beliau telah mencadangkan beberapa langkah sebagai persiapan JPBN untuk menghadapi gelombang kedua COVID-19. Laporan ini telah memberi contoh keadaan dan scenario penularan COVID-19 di beberapa buah negara apabila berlaku gelombang ke-2.

Seperti di Hokkaido, Jepun, pada 28 Januari 2020, kes pertama telah dilaporkan. Sebulan selepas itu, mereka telah mengeluarkan perintah kecemasan dimana 66 kes dilaporkan. Setelah ekonomi dibuka pada 16 Mac, 18 kes sehari dilaporkan. Kes ini meningkat 279 pada 14 April dan Kerajaan menguatkuaskan perintah kecemasan kedua. Kes di Hokkaido terus meningkat sebanyak 984 pada 15 Mei.

Manakala di Singapura pula, lebih kurang 2 bulan yang lalu, Singapura telah disanjung sebagai sebuah negara yang berjaya memerangi wabak COVID-19. Bagaimanapun gelombang ke-2 juga berlaku di Singapura dimana kes positif telah meningkat dari 266 pada 17 Mac kepada 28,800 pada 19 Mei. Ini menjadikan Singapura antara negara tertinggi yang merekodkan kes COVID-19 di Asia Tenggara.

Oleh itu, kita mempelajari apa yang berlaku di Hokkaido dan Singapura. JPBN sedang merangka strategi bagi menghadapi kemungkinan berlaku gelombang ke-2.

JPBN cuma boleh merangka strategi dan melaksanakannya. Yang lebih penting, rakyat Sarawak sendiri mempunyai peranan yang besar untuk menentukan gelombang ke-2 tidak berlaku di Sarawak.

## **6. PATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA MEMBELI-BELAH**

Menjelang musim perayaan ini, didapati ramai yang sudah memulakan aktiviti-aktiviti pembelian misalnya barang makanan, baju raya, perhiasan

rumah dan lain-lain sebagai persiapan menyambut Hari Raya dan Gawai. Meskipun ramai pembeli dan peniaga yang akur kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, masih terdapat segelintir masyarakat yang didapati tidak menghiraukan dan secara terang-terangan melanggar SOP yang telah ditetapkan di pusat beli-belah, kedai runcit dan lain-lain pusat pembelian.

Ramai di kalangan rakyat Sarawak yang telah menularkan imej dan video masyarakat yang tidak patuh kepada SOP. Ketidakpatuhan ini sememangnya membimbangkan. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan satu SOP Peruncitan yang bertindak sebagai garis panduan bagi semua pengusaha, peniaga dan pemilik perniagaan yang telah dibenarkan beroperasi. SOP tersebut adalah seperti berikut:

- a) Memastikan penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan sepanjang masa;
- b) Menghadkan laluan keluar masuk ke premis dan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa bergantung kepada saiz premis untuk mengelakkan kesesakan;
- c) Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses saringan suhu badan sebelum masuk ke premis;
- d) Menyediakan hand sanitizer di pintu masuk;
- e) Mewajibkan pemakaian alat penutup hidung dan mulut (face mask) oleh pekerja ketika berurusan; dan
- f) Menjalankan proses nyah kuman dan pembersihan premis sepanjang tempoh operasi.

SOP ini merangkumi kompleks beli-belah, pasaraya / pasaraya besar, departmental store, butik / kedai pakaian, kedai serbaneka / mini-mart dan pelbagai peruncitan yang lain. Majikan-majikan peruncitan juga perlu menyelaras dan memantau kesemua garis panduan serta syarat-syarat yang telah ditetapkan ini dipatuhi oleh para pekerja dan pelanggan.

## **7. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat beberapa keputusan seperti berikut:

- a) Operasi bagi Bistro adalah DIBENARKAN tetapi TIDAK DIBENARKAN menyediakan perkhidmatan hiburan seperti karaoke dan "live band".
- b) Bagi rakyat Sarawak yang tiba daripada luar negara yang transit di KLIA atau Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu mereka TIDAK PERLU untuk memohon permit daripada Polis. Walaubagaimanapun mereka perlu untuk memohon kepada JPBN secara atas talian dan akan dikuarantine selama 14 hari.

## **8. RUMUSAN**

Saya juga menyeru kepada orang ramai supaya mematuhi segala SOP yang telah dikeluarkan dan kepada peniaga dan pengusaha sila ikutilah pemberitahuan (Notifikasi) yang telah dikemukakan.

Harus diingat bahawa walaupun jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan adalah semakin menurun, namun masih terdapat bahaya jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat. Oleh itu, kita mesti menjaga diri kita, keluarga kita dan juga komuniti kita daripada jangkitan COVID-19.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**(#kitajagakita #stayhome #staysafe)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**21 MEI 2020**

**3.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		55	8	6	2	71
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		1	0	0	0	1
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (intubated)		0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		15	0	0	2	17
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	16	0	0	0	16
	Kumulatif	398	22	6	29	455
Jumlah kemasukan semula ke hospital (Re-tested Positive)		9	8	2	0	19

**DAERAH KUNING (4)**

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	1	3945	0	328	13	287	0	10	31	3
2	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	2
3	Sibu	0	101	0	7	0	5	0	0	2	1
4	Serian	0	273	0	20	0	16	0	0	4	1
Jumlah		1	4325	0	358	13	311	0	10	37	7

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discraj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Lundu	0	38	0	1	0	0	0	0	1	0
2	Samarahan	0	499	0	96	3	75	0	4	17	0
3	Bau	0	144	0	5	0	4	0	0	1	0
4	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
5	Bintulu	1	232	0	12	0	5	0	0	7	0
6	Miri	5	483	0	23	0	20	0	1	2	0
7	Simunjan	0	56	0	7	0	7	0	0	0	0
8	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Sri Aman	0	39	0	3	0	2	0	1	0	0
10	Betong	0	158	0	16	0	11	0	0	5	0
11	Lawas	0	12	0	1	0	1	0	0	0	0
12	Mukah	1	34	0	1	0	0	0	0	1	0
13	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Sarikei	0	90	0	6	0	5	0	0	1	0
15	Saratok	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Lubok Antu	0	16	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tanjung Manis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	7	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>2016</b>	<b>0</b>	<b>186</b>	<b>3</b>	<b>144</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>35</b>	<b>0</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **492 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **38 buah hotel** adalah seramai **3,837 orang**.

Manakala seramai **7,169 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 21.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,166)	Hock Lee	0
2		Rajah Court Dorman	0
3		Kuching Park	0
4		Pullman	301
5		Hilton	336
6		Harvour View	0
7		Waterfront	0
8		Riverside (Astana Wing)	249
9		Riverside (Puteri Wing)	88
10		Grand Margherita	38
11		Imperial Boulevard	154
12	Miri (1,071)	Mega	71
13		Somerset	48
14		Ostay Inn	12
15		Cosy Inn	37
16		Imperial Palace	307
17		Eastwood Valley	38

18		Imperial	232
19		Kingwood	0
20		Paragon	35
21		Meritz	250
22		Miri Hotel	41
23	Bintulu (757)	Wasan Inn	23
24		Park City Everly	237
25		Fairfield By Marriott	303
26		101 Hotel	194
27		Kidurong Inn	0
28		Kapok Inn	0
29	Limbang (186)	Purnama	66
30		Seri Malaysia (Lawas)	60
31		Shangsan	40
32		Mandarin	20
33	Sibu (657)	RH Hotel	73
34		Premier Hotel	75
35		Li Hua	234
36		Medan	89
37		Paramount	0
38		Tanah Mas	186
<b>Jumlah PUS</b>		<b>3,837</b>	

### **3. LAPORAN PBT DAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **29 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **732 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 21.05.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	243
2	Miri	132
3	Bintulu	59
4	Sarikei	51
5	Samarahan	46
6	Limbang	45
7	Sibu	35
8	Betong	29
9	Sri Aman	28
10	Kapit	26
11	Mukah	19
12	Serian	19
<b>Jumlah</b>		<b>732</b>

Selain daripada itu juga Unit Kesihatan Awam dari PBT telah melaksanakan program nyahcemar di **56 lokasi** oleh PBT yang menjadi tumpuan orang ramai seperti berikut:

(Data sehingga 21.05.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LOKASI</b>
1	MBKS	3
2	MPP	5
3	MP Kota Samarahan	1
4	MD Serian	3
5	MD Sri Aman	3
6	MD Saratok	6
7	MP Sibu	10
8	BDA	4
9	MB Miri	21
<b>Jumlah</b>		<b>56</b>